



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



KURIKULUM DI PUSAT PEMBELAJARAN ALTERNATIF: KAJIAN KES DI PULAU MABUL SABAH

CURRICULUM IN ALTERNATIF LEARNING CENTER: A CASE STUDY IN MABUL ISLAND, SABAH

Afifah Gamiring@Hajinin^{1*}, Badariah Saibeh²

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: Afifah_binti_gamiring_ma21@iluv.ums.edu.my

² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: badariah_Sh@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.09.2022

Revised date: 10.10.2022

Accepted date: 30.11.2022

Published date: 15.12.2022

To cite this document:

Gamiring, A., & Saibeh B. (2022). Kurikulum di Pusat Pembelajaran Alternatif: Kajian Kes di Pulau Mabul, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (48), 411-433.

DOI: 10.35631/IJEPC.748031

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pendidikan adalah hak individu yang perlu dipenuhi dan diberikan kepada setiap individu. Namun, pemberian pendidikan di sesebuah negara bergantung kepada undang-undang di negara tersebut. Di Malaysia pemberian pendidikan adalah berasaskan akta pendidikan 1996 yang menekankan hak pendidikan kepada yang memiliki dokumen pengenalan diri berstatus warganegara sahaja. Oleh itu, wujudnya pendidikan lain selain pendidikan kebangsaan iaitu pendidikan alternatif. Kajian ini ingin mengetahui kurikulum pusat pembelajaran alternatif yang terdapat di Pulau Mabul. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual dan pemerhatian digunakan dalam kajian ini. Lokasi kajian ini adalah Pulau Mabul, Semporna. Hasil Kajian mendapati terdapat lima pusat pembelajaran alternatif di Pulau Mabul dengan pengasas terdiri daripada badan bukan kerajaan (NGO), orang persendirian dan masyarakat setempat. Kurikulum di pusat pembelajaran ini menggunakan subjek kurikulum kebangsaan tetapi silibus mata pelajaran tersebut tidak disediakan oleh kerajaan tetapi disediakan oleh tenaga pengajar sendiri. Matlamat penubuhan pusat pembelajaran alternatif ini sendiri adalah untuk memberikan pendidikan diperingkat asas sahaja iaitu pengetahuan membaca, menulis dan mengira (3M). Walau bagaimanapun, mereka masih menggunakan rujukan-rujukan pendidikan yang terdapat di Malaysia. Seterusnya, jadual pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan daripada isnin hingga ahad dimana pada isnin hingga khamis adalah pusat pembelajaran biasa dan jumaat hingga ahad adalah waktu madrasah yang bermula daripada jam 7.00 pagi sehingga 11.00 pagi bagi sesi pagi dan bagi sesi petang akan bermula pada jam 1.00 petang sehingga jam 4.30 petang. Pendidikan alternatif telah memberikan kesempatan dan peluang untuk mendapatkan pendidikan dan

memperbaiki kehidupan pada masa akan datang. Oleh itu, ketepatan kurikulum yang dilaksanakan didalam pusat pembelajaran alternatif akan mempengaruhi kejayaan program pendidikan yang dilaksanakan di Pulau Mabul. Kemahiran sendiri amat penting dalam aspek bertahan hidup dalam konteks kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan akhirnya dapat membantu kanak-kanak ini bertahan hidup dengan kemahiran mereka.

Kata Kunci:

Pendidikan, Pendidikan Alternatif, Pusat Pembelajaran Alternatif, Kurikulum, Pulau Mabul

Abstract:

Education is an individual right that must be fulfilled and given to every individual. However, the provision of education in a country depends on the laws in that country. In Malaysia, the provision of education is based on the 1996 education act which emphasizes the right to education for those who have identity documents with citizenship status only. Therefore, the existence of other education besides national education, which is alternative education. This study wants to know the curriculum of alternative learning centers available on Mabul Island. The research methodology used is a qualitative approach with interview and observation methods used in this study. The location of this study is Mabul Island, Semporna. The results of the study found that there are five alternative learning centers on Mabul Island with founders consisting of non-governmental organizations (NGOs), private individuals and the local community. The curriculum at this learning center uses national curriculum subjects but the syllabus for the subjects is not provided by the government but is provided by the teaching staff themselves. The goal of establishing this alternative learning center itself is to provide education at the basic level only, which is the knowledge of reading, writing and counting (3M). However, they still use educational references available in Malaysia. Next, the teaching and learning schedule is carried out from Monday to Sunday where Monday to Thursday is the normal learning center and Friday to Sunday is madrasah time which starts from 7.00 am until 11.00 am for the morning session and for the afternoon session will start at 1.00 pm until at 4.30 pm. Alternative education has provided opportunities and opportunities to get an education and improve life in the future. Therefore, the accuracy of the curriculum implemented in the alternative learning center will affect the success of the educational program implemented on Mabul Island. Self-skills are very important in terms of survival in the context of stateless children and can ultimately help these children survive with their skills.

Keywords:

Education, Alternatif Education, Alternatif Learning Center, Curriculum, Mabul Island

Pengenalan

Deklarasi Hak asasi manusia menyatakan bahawa kanak-kanak wajib mendapatkan pendidikan tanpa latar belakang. Pendidikan telah diakui sebagai hak asasi manusia dalam Deklarasi sejagat hak asasi manusia pada tahun 1948. Menurut Miskiman & Zainal (2019), sehingga tahun 2016 terdapat 50% kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan tercicir dari mendapatkan pendidikan di sekolah rendah dan 75% pada peringkat menengah. Perjanjian ini telah menetapkan hak untuk mendapatkan pendidikan rendah untuk semua kanak-kanak,

kewajiban untuk mengembangkan pendidikan menengah disokong oleh langkah-langkah untuk membuatnya dapat diakses oleh semua kanak-kanak dan juga dapat diakses ke pendidikan tinggi, dan tanggungjawab untuk menyediakan pendidikan asas bagi individu yang belum menamatkan pendidikan rendah (UNICEF, 2007). Oleh itu, berpegang kepada prinsip hak asasi manusia, setiap individu berhak mendapatkan pendidikan mereka tanpa mengira status kewarganegaraan, samada mereka adalah warganegara ataupun bukan warganegara.

Fungsi pendidikan yang paling asas dapat adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam falsafah pendidikan kebangsaan yang terkandung dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan (2017). Falsafah pendidikan kebangsaan menjelaskan bahawa:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Pendidikan Kebangsaan adalah untuk melahirkan lebih ramai masyarakat yang berilmu dan serta individu yang seimbang agar dapat memberikan sumbangan yang lebih baik kepada negara”

(Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2017)

Selain itu, terdapat pendidikan alternatif yang dilaksanakan di bawah agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan orang persendirian. Menurut Rahman, Siraj, Idris, Mansor & Muhamad (2018) pendidikan alternatif merangkumi pendidikan yang dilaksanakan selain daripada pendidikan kebangsaan. Menurutnya lagi, pendidikan alternatif ini terbahagi kepada dua kaedah iaitu ‘cara akses kepada pendidikan’ dan ‘alternatif dalam menyediakan kurikulum’. Kaedah yang pertama iaitu ‘cara akses kepada pendidikan’ merujuk kepada pendidikan alternatif yang menyediakan metod penyampaian yang berbeza dengan memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak khususnya kanak-kanak yang tidak berdaftar dalam sistem pendidikan rasmi disebabkan oleh faktor umur, jantina, etnik atau lokasi geografi yang terpencil. Manakala, kaedah ‘alternatif dalam menyediakan kurikulum’ adalah kurikulum yang tidak bersifat tradisional atau kontekstual sama ada selari atau berbeza dengan sistem pendidikan kebangsaan atau untuk satu jangka masa pendek dengan pelajar yang berbeza umur. Secara ringkasnya, pendidikan alternatif merupakan pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak yang tidak dapat akses pendidikan di sekolah kebangsaan. Menurut Samsudin & Ismail (2021), pelarian Rohingya merupakan kelompok etnik paling besar di Malaysia dengan jumlah pelarian Rohingya di Malaysia yang direkodkan adalah sebanyak 101,580 daripada jumlah keseluruhan 179,520 pelarian.

Menurut Saibeh (2018), pemberian pendidikan dalam sesebuah negara bergantung kepada perundangan dalam sesebuah negara, di Malaysia pendidikan diberi berasaskan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang menekankan hak pendidikan kepada yang memiliki dokumen pengenalan diri berstatus warganegara sahaja. Oleh itu, ramai kanak-kanak yang tercicir daripada pendidikan terdiri dalam kalangan kanak-kanak tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah menyebabkan mereka berstatus tanpa kewarganegaraan. Tambahan lagi, Baharuddin. & Enh, (2018) menyatakan Malaysia tidak menandatangani perjanjian-perjanjian 1951 dan 1957 iaitu *the 1951 convention relating to the status of refugees and its*

1967 protocol menyebabkan lebih ramai kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan di negara ini, tidak ada jaminan untuk akses kepada pendidikan kebangsaan. Selain itu, kanak-kanak yang cenderung tercicir daripada pendidikan kebangsaan di Malaysia adalah dalam kalangan kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak (warganegara Malaysia) tanpa sijil kelahiran, kanak-kanak pencari suaka, kanak-kanak pelarian dan anak-anak pekerja migran di Malaysia (UNICEF, 2019)

Walau bagaimanapun, kanak-kanak yang tidak dapat akses kepada pendidikan kebangsaan di negara ini berpeluang mengikuti pendidikan alternatif yang diusahakan oleh agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat dan orang persendirian (Saibeh, 2018; Miskiman & Zainal, 2019). Pendidikan alternatif ditawarkan di Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) telah memberi sinar baru kepada kanak-kanak ini mendapatkan pendidikan meskipun bukan pendidikan kebangsaan. Menurut UNICEF (2019), PPA yang terdapat di Sabah adalah sebanyak 170. Pulau Mabul antara lokasi di Sabah yang menawarkan pembelajaran alternatif kepada kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan. Terdapat lima PPA di Pulau Mabul yang diusahakan oleh NGO, orang persendirian dan pengusaha selam skuba. Artikel ini akan membincangkan tentang kurikulum yang ditawarkan di PPA yang terdapat di Pulau Mabul.

Sorotan Literatur

Pada tahun 2019, seramai 100,000 kanak-kanak tidak bersekolah di peringkat rendah dan 250,000 lagi kanak-kanak tidak bersekolah di peringkat menengah (UNICEF, 2019). Manakala Xe, Pang, May, Tibok & Han (2017), menyatakan di Malaysia terdapat seramai 43,937 kanak-kanak tanpa dokumen. UNICEF (2015), pula menyatakan mereka ini terdiri daripada pelarian dan kanak-kanak tanpa izin. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Christie (2016) di Sabah berkenaan dengan pendidikan kanak-kanak Indonesia yang berada di Sabah telah menyatakan hanya seramai 24, 856 kanak-kanak migran Indonesia sahaja yang bersekolah daripada 53,687 orang. Masih terlalu ramai kanak-kanak yang tercicir dalam pendidikan dan masih belum menerima pendidikan.

Menurut Waters & Leblanc (2005) sesetengah negara yang dimasuki pelarian cenderung tidak menyediakan pendidikan formal dengan harapan pelarian dalam negara mereka akan kembali pulang ke negara asal mereka. Walau bagaimanapun, pendidikan diberikan kepada pelarian untuk membantu mereka pada masa akan datang apabila mereka dikembalikan ke negara asal mereka sama ada secara sukarela atau secara paksa. Bagi menangani isu pendidikan ini semua pihak perlu memainkan peranan termasuk NGO tempatan dan antarabangsa memainkan peranan dalam memastikan pelarian dapat dibantu untuk akses pendidikan. Meskipun sesetengah negara tidak memberikan pendidikan kebangsaan kepada kanak-kanak pelarian ini namun pendidikan alternatif masih tersedia kepada mereka.

Seterusnya, UNICEF (2015), telah menyatakan dalam laporannya salah satu sebab mereka tidak ke sekolah adalah kos persekolahan yang tinggi. Selain itu, kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak (warganegara Malaysia) tanpa sijil kelahiran, kanak-kanak pencari suaka, kanak-kanak pelarian, anak-anak tanpa kewarganegaraan dan anak-anak pekerja migran tidak diberi pendidikan secara percuma di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh kerajaan. Hajimin dan rakan-rakan (2017), pula menyatakan bahawa pelarian telah memasuki negara akibat daripada konflik yang berlaku di negara asal mereka tetapi Malaysia tidak menyertai konvensyen geneva pelarian dan protokol 1967 yang memperhatikan perlindungan terhadap pelarian antarabangsa menyebabkan kanak-kanak tanpa dokumen ini tidak mendapatkan pendidikan di sekolah kerajaan tetapi di pusat pembelajaran alternatif. PPA ini melibatkan pendidikan kepada

pelarian dari Myanmar dan negara-negara lain di Semenanjung Malaysia, anak-anak pelarian Filipina dan pendatang tanpa dokumen di Sabah, anak-anak migran Indonesia dan pekerja tanpa dokumen di Ladang Kelapa Sawit di seluruh Sabah dan anak-anak Bajau Laut.

Pusat pembelajaran alternatif semakin banyak ditubuhkan di negara ini. Pada tahun 2019, UNICEF (2019), menyatakan bahawa terdapat sebanyak 170 pusat pembelajaran alternatif di Sabah. Antara PPA di Sabah adalah PPA Majlis Keselamatan Negara (MKN), PPA yang disokong oleh kerajaan Filipina, PPA yang disokong oleh kerajaan Indonesia dan PPA HUMANA kesemua pusat pembelajaran ini ditubuhkan untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak berpeluang untuk mendapatkan pendidikan di sekolah kebangsaan. Saibeh (2018), pula menyatakan dalam konteks pendidikan di Pulau Mabul terdapat beberapa pusat pembelajaran yang telah diwujudkan di Pulau Mabul antaranya adalah *Mabul Kids Education society* (MKES), Kelas Bimbingan Insan (KBI) dan Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) yang memberi pendidikan khas kepada kanak-kanak di Pulau Mabul.

Program pendidikan alternatif haruslah sesuai dengan tujuan penilaian, keperluan murid dan kurikulum (Robert, Rutherford & Quinn, 1999). Pendidikan alternatif merupakan pendidikan yang merangkumi semua aktiviti pendidikan yang berada di luar sistem sekolah. Samsudin & Ismail (2021), menyatakan bahawa pusat bimbingan alternatif (PBA), merupakan institusi pendidikan yang khusus untuk memberikan pendidikan yang khusus untuk memberi bimbingan bagi membantu kanak-kanak Rohingya yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan kebangsaan di institusi kerajaan atau swasta di Malaysia dengan asas kemahiran membaca, menulis, dan mengira serta kemahiran hidup daripada peringkat prasekolah, rendah dan menengah rendah.

Miskiman & Zainal (2019), menyatakan dalam kajiannya bahawa kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri atau kewarganegaraan susah untuk mendapatkan pendidikan di sekolah kebangsaan kerana dasar yang sering kali diubah menyebabkan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan sukar untuk bersekolah. Manakala Saibeh (2018), pula menyatakan kanak-kanak di Pulau Mabul mendapatkan pendidikan alternatif sebagai kaedah lain untuk mendapatkan pendidikan serta mencapai keterangkuman sosial dalam kalangan masyarakat. Miskiman & Zainal (2019), kurikulum yang dipelajari kanak-kanak tanpa dokumen ini adakah berbeza dengan kurikulum yang disediakan oleh kerajaan

Menurut Samsudin & Ismail (2022), PPA merupakan salah satu kaedah yang diperkenalkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 2010 dalam usaha memastikan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri di Malaysia menerima pendidikan yang sewajarnya, memandangkan mereka tidak layak menerima pendidikan di sekolah kebangsaan atau kerajaan. Mewujudkan PPA merupakan satu kaedah yang terbaik yang dapat dilakukan untuk membantu kanak-kanak yang tidak dapat belajar di sekolah kebangsaan. Voothanyakumar & Alavi (2019), pula menyatakan bahawa pelarian memerlukan laluan pratik dan cepat untuk disatukan ke dalam masyarakat baru yang bermula dengan pendidikan berkualiti. Pendidikan bukan sahaja hak asas tetapi salah satu aset yang paling berharga yang boleh dimiliki pelarian.

Kurikulum dan Pendidikan Alternatif Luar Negara

Menurut Christophersen (2015), pelarian Syria di Jordan semakin ramai sehingga sekolah awam di Jordan yang menampung pelajar pelarian tidak mampu menampung mereka lagi yang menyebabkan ramai pelarian Syria yang tercicir dalam pendidikan. Tambahan lagi, sistem

kurikulum antara Syria dan Jordan tidak sama yang menyukarkan pelarian Syria untuk beradaptasi dengan keadaan persekolahan di Jordan. Oleh itu, untuk memberikan pendidikan kepada pelarian Syria beberapa NGO antarabangsa dan tempatan yang diketuai oleh *Save the children Jordan* telah menawarkan program intensif untuk pelajar yang telah keluar daripada sekolah selama satu atau dua tahun. Pemberian pendidikan kepada kanak-kanak pelarian ini amat bermakna untuk memastikan mereka tidak tergolong dalam kalangan buta huruf.

Menurutnya lagi, pelarian Syria dibenarkan menghadiri sekolah awam di Jordan tetapi mereka perlu mendaftar dengan pihak berkuasa Jordan atau UNHCR setiap enam bulan sekali, jika mereka gagal mendaftarkan diri maka mereka kehilangan hak untuk mendapatkan bantuan pendidikan atau kesihatan. Namun, perbezaan kurikulum antara Syria dan Jordan menjadi halangan besar kepada pelajar Syria yang memasuki sekolah di Jordan, mereka perlu mengikuti kurikulum Jordan seperti kurikulum di Lubnan contohnya menggunakan Bahasa Inggeris atau Perancis sebagai Bahasa pengajaran tetapi di Jordan semua mata pelajaran diajar dalam Bahasa Arab, Bahasa Inggeris hanya untuk kelas Bahasa (Christophersen, 2015).

Manakala di Bangladesh tidak memberikan kebenaran kepada pelarian Myanmar untuk akses pada persekolahan kebangsaan. Dupuy, Palik & Ostby (2022), menyatakan oleh kerana pendidikan untuk pelarian telah dinafikan maka pendidikan alternatif telah diwujudkan di kem pelarian ini yang menggunakan kurikulum Myanmar dan tenaga pengajar juga terdiri daripada kalangan pelarian. Nasib yang sama boleh dilihat bagi pelarian Myanmar yang berada di sempadan Thailand-Myanmar (Yoe, Gagnon & Thako, 2020), menyatakan kurikulum yang digunakan adalah kurikulum yang direka bentuk oleh entiti pendidikan jawatan kuasa pelarian Karen (KRCEE) yang terdiri daripada beberapa bahagian iaitu pendidikan rendah yang mengajarkan subjek Bahasa Karen, Bahasa Inggeris, Burma, Matematik, Sains, Geografi, Sejarah dan Bahasa Thailand (pilihan), kedua adalah pendidikan tinggi yang terbahagi kepada dua iaitu kurikulum institusi pendidikan tinggi (IPT) dan sekolah bukan IPT. Subjek yang diajar adalah sejarah Karen, kesusasteraan, puisi dan sejarah dunia serta bahasa penghantar yang digunakan adalah Bahasa Karen.

Pendidikan kebangsaan lainnya yang mempunyai peperiksaan untuk memasuki institusi pendidikan tinggi (Yoe *et al.*, 2020) turut menyatakan pelajar di Kem Mea La perlu melalui penilaian akademik iaitu peperiksaan yang akan diadakan sekali setahun dan mereka perlu lulus untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran di pendidikan tinggi di Kem tersebut. Sistem pendidikan di Kem ini dilaksanakan seperti biasa dengan membina kurikulum sendiri agar kanak-kanak di Kem pelarian ini mendapat pendidikan seperti kanak-kanak lainnya. Namun, sijil pendidikan alternatif yang dikeluarkan di Kem pelarian ini tidak diiktiraf oleh negara tuan rumah mahupun negara asal mereka. Meskipun begitu, akhirnya mereka akan melahirkan insan yang berpengetahuan walaupun sijil tidak diiktiraf tetapi mereka memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk meneruskan kehidupan.

Manakala amalan pendidikan yang dilaksanakan di Amerika Syarikat, anak-anak migran yang tidak memiliki dokumen boleh mendapatkan pendidikan secara formal tidak kira dalam swasta ataupun di sekolah kerajaan menggunakan kurikulum sekolah mereka (Hao, 2008). Pendidikan merupakan penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah kanak-kanak imigran adalah memberikan pendidikan kepada kanak-kanak kurang bernasib baik ini tanpa mengira mereka berasal daripada negara mana. Waters & Leblanc (2005), pada akhirnya mereka tidak akan tercicir daripada mendapatkan pendidikan walaupun mereka merupakan pelarian dalam sesebuah negara. Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam membawa perubahan

dalam kehidupan seseorang melalui pengajaran kemahiran (Paramitha, Supriyadi & Zuber, 2018).

Kurikulum dan Pendidikan Alternatif di Malaysia

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang digemari oleh pelarian untuk mendapatkan perlindungan. Namun, Malaysia tidak menyediakan pendidikan kebangsaan kepada pelarian yang datang ke Malaysia. Walau bagaimanapun, Pendidikan alternatif merupakan insentif yang disediakan oleh kerajaan Malaysia untuk memberikan pendidikan kepada pelarian tetapi kurikulum yang digunakan di Pusat pembelajaran alternatif ini bukanlah kurikulum kebangsaan melainkan kurikulum yang dibuat sendiri oleh NGO, masyarakat atau individu persendirian yang menyediakan pusat pembelajaran alternatif di Malaysia.

Kurikulum kebangsaan adalah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menahan dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan (*Dasar Pembangunan Kurikulum kebangsaan*, KPM, 2014). Kurikulum kebangsaan semestinya diwujudkan dalam pendidikan kebangsaan untuk membentuk nilai-nilai murni dalam kalangan individu yang menerima pendidikan agar menjadi masyarakat yang berilmu pengetahuan dan lebih bertanggungjawab terhadap negara.

Pembentukan kurikulum di Malaysia tidak sama bagi setiap peringkat persekolahan dimana daripada peringkat prasekolah sehinggalah sekolah menengah telah ditetapkan standard kurikulumnya. Dalam buku *Dasar Pendidikan Kebangsaan* (edisi keempat) (2017), terdapat beberapa kurikulum di Malaysia yang berbeza standard iaitu kurikulum standard prasekolah kebangsaan, kurikulum standard sekolah rendah (KSSR), kurikulum bersepadu sekolah menengah dan kurikulum standard sekolah menengah (KSSM).

Kurikulum kebangsaan mempunyai ciri-ciri tersendiri untuk memastikan kurikulum kebangsaan dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ciri jelas dapat dilihat dalam buku penerangan kurikulum standard sekolah rendah (semakan 2017) (2016). Aspek yang dilihat dalam kurikulum ini adalah reka bentuk kurikulum, dokumen kurikulum, peruntukan masa, organisasi kurikulum, elemen merentas kurikulum, fokus kurikulum, penekanan pedagogi, pentaksiran dan penjenamaan semula mata pelajaran. Kurikulum kebangsaan di Malaysia ingin melahirkan individu yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang.

Manakala kurikulum yang diguna pakai dalam pusat pembelajaran ini adalah kurikulum kebangsaan dengan standard penilaian dikurangkan. Subjek yang diajarkan pula adalah Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Sesetengah pusat pembelajaran pula mengajarkan Pendidikan agama islam. Xe *et al.* (2017), menyatakan bahawa subjek yang diajar di pusat pembelajaran adalah Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Pendidikan yang cuba disampaikan disini adalah pengetahuan asas menulis, membaca dan mengira dimana tenaga pengajar mereka masih tidak terlatih dan terdiri daripada penduduk kampung sahaja.

Rahman *et al.* (2018), menyatakan kurikulum berasaskan komuniti setempat amat sesuai diguna pakai dalam pendidikan alternatif. Komponen kurikulum ini adalah literasi dan numerasi, kesesuaian kemahiran komuniti setempat, penerapan nilai, tradisi serta keagamaan.

Pembangunan modul dapat memenuhi keperluan asas pendidikan kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Penggabungan jalinan kemahiran hidup berasaskan kemahiran komuniti dapat memupuk seni budaya dan tradisi komuniti setempat. Ini disebabkan, penduduk tanpa kewarganegaraan sukar untuk keluar dan mendapatkan pekerjaan. Mereka juga sentiasa berada dalam keadaan takut dengan pihak berkuasa kerana tidak ada dokumen. Komponen kurikulum berasaskan komuniti setempat mampu menyesuaikan keadaan mereka dengan kehidupan. Jadi meskipun mereka tidak keluar dan sukar mendapatkan pekerjaan di luar kawasan mereka tetapi mereka masih mempunyai pengetahuan sendiri dan mampu hidup dengan lebih baik.

Sementara, menurut Pang, Ling & Tibok (2019), kurikulum yang dilaksanakan di *Murni Alternatif Education Community* (MAEC), kurikulum yang dilaksanakan adalah dalam susunan menurun dimana pengurusan diri, Literasi dan Numerasi, Sivik dan Kewarganegaraan, dan kemahiran hidup diterapkan dalam diri pelajar. Pendekatan yang dilaksanakan ini menunjukkan pelajar lebih celek, lebih baik dalam menjaga kebersihan diri, rumah dan sekolah mereka, dan memamerkan peningkatan kesetiaan kepada negara tuan rumah mereka dan penghargaan terhadap inisiatif yang bertujuan untuk menyediakan laluan bagi mereka untuk melepaskan diri daripada kitaran buta huruf yang wujud dalam generasi tua dalam komuniti mereka.

Kemahiran hidup menjadi salah satu subjek yang banyak memberi kepada mereka dalam program pendidikan alternatif. Ini adalah kerana kemahiran hidup membantu mereka untuk mengasah bakat dan kebolehan diri agar mereka dapat berusaha bertahan. Dengan kemahiran yang dimiliki mereka dapat bertahan hidup kerana mereka memiliki usaha yang gigih dalam apa juga yang mereka laksanakan. Menurut Pang *et al.* (2019) komponen kemahiran hidup dalam kurikulum membolehkan pencapaian yang lebih tinggi kerana penyertaan lebih banyak kepada kemahiran terkini dan segera seperti memasak atau menjahit boleh membantu mengasah kebolehan yang lebih pelbagai dan mencapai sasaran pelanggan yang lebih luas.

Menurut Saibeh (2018), pula dalam kajian yang dilakukan di Pulau Mabul terdapat tiga PPA iaitu *Mabul Kids Education society* (MKES) yang menawarkan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan pendidikan seni, Kelas Bimbingan Insan (KBI) bahasa Melayu, Matematik, dan Pendidikan Islam, manakala Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) menawarkan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam. PPA di Pulau Mabul menggunakan subjek yang ada dalam pendidikan kebangsaan tetapi silibus pengajaran dan pembelajaran bagi PPA ini disediakan oleh tenaga pengajar sendiri.

Berdasarkan Jadual 1 di bawah iaitu PPA untuk Rohingya dan PPA untuk pelarian di Sabah. Jika dilihat daripada dua PPA ini aspek yang dilihat hanya empat iaitu waktu pembelajaran, subjek, tenaga pengajar dan bilangan murid yang belajar di PPA. Jika dilihat dari segi waktu pembelajaran tidak jauh berbeza hanya sahaja waktu di dua Kawasan yang tidak sama. Bagi PPA Rohingya Intellectual Skill and Excellence (RISE) beroperasi daripada bermula daripada jam 9.00 sehingga jam 3.00 petang manakala PPA Bayu Learning Center (BLC) pula akan beroperasi 7.00 pagi sehingga 2.00 petang. Dari segi mata pelajaran atau subjek juga tidak jauh berbeza tetapi di RISE ini ada penambahan dalam subjek yang diajar iaitu subjek elektif yang mengajarkan kelas IT, Kelas Tajwid, Kelas Mengaji dan Kelas seni. dari segi tenaga pengajar hanya berbeza seorang sahaja. Bagi tenaga pengajar di BLC ini adalah terdiri daripada penduduk kem pelarian ini sendiri yang mengajar di PPA dari segi jumlah kanak-kanak pula PPA Bayu Learning Center mempunyai jumlah kanak-kanak yang ramai dimana seramai 249 orang tetapi bagi RISE ini pula hanya 60 orang sahaja.

Jadual 1: Pusat Pembelajaran Alternatif Rohingya Intellectual Skill and Excellence (RISE) dan PPA Bayu Learning Center (BLC)

Aspek	PPA Rohingya Intellectual Skill and Excellence (RISE)	PPA Bayu Learning Center (BLC)
Waktu Pembelajaran	Isnin hingga Jumaat 9.00 pagi hingga 3.00 petang	7.00 pagi hingga 10.00 pagi 11.00 pagi hingga 2.00 pagi
Subjek	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sains Pendidikan Islam Elektif (kelas IT, Kelas Tajwid, Kelas Mengaji dan Kelas Seni)	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Pendidikan Sivik Pengetahuan Agama Islam
Tenaga Pengajar	3 orang	4 orang
Bilangan Murid	60 orang	249 orang

Sumber: Han *et al.* (2017) & Samsudin & Ismail (2021)

Metodologi Kajian

Pendekatan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dilakukan untuk mengetahui bentuk pendidikan di pusat pembelajaran (PPA) di Pulau Mabul. Seterusnya, kaedah pemerhatian turut digunakan dalam kajian ini untuk melihat sendiri kaedah pengajaran dan pembelajaran serta suasana pembelajaran di PPA yang terdapat di Pulau Mabul.

Pembinaan soalan temu bual adalah berdasarkan responden yang akan ditemu bual. Responden dalam kajian ini adalah responden tenaga pengajar. Tujuan menemu bual tenaga pengajar ini adalah untuk mengetahui kurikulum yang ada di setiap PPA yang berada di Pulau Mabul. Antara soalan temu bual separa berstruktur yang disediakan adalah profil diri, aktiviti pendidikan yang ada di pusat pembelajaran alternatif, kemahiran yang ditawarkan di pusat pembelajaran alternatif, pendidikan tenaga pengajar, bahan pengajaran dan pembelajaran dan daripada mana mereka mendapatkan bahan mengajar ini

Lokasi kajian ini telah dilakukan di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. Pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan tujuan kajian iaitu untuk melihat kurikulum yang dilaksanakan di PPA. Lokasi kajian ini amat sesuai kerana Pulau Mabul merupakan sebuah penempatan yang telah bercampur antara penduduk warganegara, bukan warganegara dan pelarian. Pulau Mabul juga terdapat sebuah sekolah kebangsaan iaitu SK. Pulau Mabul yang memberikan pendidikan kebangsaan kepada penduduk warganegara. Seterusnya, Kajian ini telah memilih lima buah PPA yang terdapat di Pulau Mabul. PPA ini dipilih kerana untuk melihat kurikulum yang digunakan di PPA tersebut. PPA yang telah dipilih adalah Kelas Bimbingan Insan (KBI), Sekolah Saudara Borneo, Sekolah Alternatif Al-Amin, Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (MRA) dan Bigjohn. Kajian ini telah dilakukan bermula daripada 22 Mei 2022 hingga 27 Julai 2022.

Selain itu, sampel responden telah ditentukan iaitu tenaga pengajar yang mengajar di PPA. Hal ini kerana, mereka mengetahui kurikulum yang diajar di PPA tersebut. Penenyuan responden tenaga pengajar adalah mereka mestilah yag mengajar di PPA tidak mengira mereka terdiri

daripada warganegara ataupun bukan warganegara. Seramai empat orang responden tenaga pengajar telah ditemu bual oleh pengkaji berhubung kurikulum pendidikan di PPA Pulau Mabul. Tenaga pengajar pertama merupakan tenaga pengajar Kelas Bimbingan Insan (KBI) dan berstatus warganegara. Tenaga pengajar kedua merupakan penduduk di Pulau Mabul dan merupakan tenaga pengajar di Sekolah Saudara Borneo. Tenaga pengajar ketiga pula adalah tenaga pengajar di Sekolah Alternatif Al-Amin dan merupakan warganegara. Tenaga pengajar keempat adalah tenaga pengajar pusat pembelajaran alternatif Big John.

Seterusnya, data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Analisis tematik digunakan bagi mengkategorikan data-data dan membentuk tema yang sesuai bagi menjawab objektif kajian. Analisis tematik ini dimulakan dengan menganalisis data dan diikuti oleh proses lanjutan iaitu bahagian pembinaan tema dan akhirnya bahagian pemaparan data dalam bentuk matriks atau jadual, jaringan, peta konsep, carta alir, rajah bagi memudahkan pembaca meneliti penemuan kajian yang diperoleh.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Latar Belakang Pendidikan di Pulau Mabul

Pulau Mabul terletak di Daerah Semporna dan menempatkan orang pelarian, Bajau dan Bajau Laut. Pulau Mabul terdapat satu sekolah rendah kebangsaan iaitu SK Pulau Mabul. Menurut Sansalu & Rahim (2012), SK Pulau Mabul telah ditubuhkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1986. Sekolah ini seterusnya diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga kini. Pada tahun 1996 sekolah ini mempunyai pelajar seramai 210 orang manakala pada tahun 2011 pula seramai 287 orang. Sekolah ini mengambil masa selama dua tahun untuk disiapkan dan pada 1988 sekolah ini telah siap dengan kemudahan bilik guru besar, pejabat am, dan tiga bilik darjah untuk tahun satu hingga tahun tiga sahaja dan sebuah rumah bagi menempatkan guru SK Pulau Mabul. Pada tahun 1995, Sebuah lagi blok bangunan telah dibina di SK Pulau Mabul dengan tiga bilik darjah yang menempatkan tahun empat sehingga tahun enam. Pada tahun 1996 pula, rumah guru telah dibina dengan dua bilik didalamnya. Sehingga tahun 2004, sekolah ini telah mempunyai enam bilik darjah, sebuah pusat sumber, tiga bilik untuk penolong kanak akademik, penolong kanak kokurikulum dan Penolong Kanan Hem dan lima buah tandas untuk kegunaan guru dan murid.

Menurutnya lagi, daripada awal penubuhan sekolah ini sehingga tahun 1990, SK Pulau Mabul hanya mempunyai seorang guru besar, empat orang guru sandaran tidak terlatih dan seorang pembantu am rendah sahaja. Pada 1992, seorang ustaz telah dihantar ke sekolah ini untuk mengajar mata pelajaran pendidikan islam. Tahun 1997 hingga 1998 pula empat guru terlatih keluaran Maktab Perguruan Keningau telah dihantar bertugas di sekolah ini (Sansalu & Rahim, 2012).

SK Pulau Mabul merupakan satu-satunya pendidikan formal yang terdapat di Pulau Mabul. Selain daripada SK Pulau Mabul, terdapat juga pendidikan lain iaitu pendidikan alternatif di Pulau Mabul. Terdapat enam PPA di Pulau Mabul yang telah bermula dari tahun 2003. Pendidikan pertama di Pulau Mabul selepas SK Pulau Mabul adalah Madrasah Islmiah dan selepas itu barulah beberapa PPA telah ditubuhkan oleh NGO dan orang persendirian. Antara PPA yang terdapat di Pulau Mabul iaitu Kelas Bimbingan Insan (KBI), Sekolah Saudara Borneo, Sekolah Alternatif Al-Amin, Pusat Latihan dan penyelidikan Komuniti (PULPEN) dan Big John. Menurut Saibeh (2018), PPA di Pulau Mabul merupakan sumber yang telah mewujudkan peluang pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak mendapat akses terhadap

pendidikan formal di SK Pulau Mabul disebabkan tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan tiada kewarganegaraan. Bagi kanak-kanak yang tidak mendapatkan pendidikan di SK Pulau Mabul mereka akan mendapatkan pendidikan di PPA yang ada.

Kurikulum PPA Kelas Bimbingan Insan

PPA Kelas Bimbingan Insan telah ditubuhkan oleh Pertubuhan Lepasani Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN) pada tahun 2011 tetapi beroperasi sepenuhnya pada tahun 2012. Kelas Bimbingan Insan telah ditubuhkan di Kampung Musu yang pada masa dikenali sebagai Kampung Sama Relaut yang bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak Bajau Laut di Pulau Mabul.

Jadual 2: Kurikulum PPA Kelas Bimbingan Insan

PPA	Waktu Pembelajaran	Subjek	Tenaga Pengajar	Bilangan Murid
Kelas Bimbingan Insan	7.00 pagi - 10.30 pagi	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sains Pendidikan Islam	1 orang	35 orang

Sumber: Kerja lapangan (2022)

Waktu Pembelajaran

Merujuk kepada jadual 2 diatas, aktiviti pengajaran dan pembelajaran di PPA ini bermula daripada hari Isnin sehingga hari Khamis. Masa pengajaran pula akan bermula pada jam 7.00 pagi sehingga jam 10.30 pagi. Berdasarkan data kajian yang diperoleh dan pemerhatian yang dilakukan di semua PPA di Pulau Mabul, kelas akan berjalan daripada hari Isnin sehingga hari Khamis kerana pada Jumaat hingga Ahad mereka akan memberi laluan kepada madrasah islamiah. Hal ini kerana, kanak-kanak yang belajar di PPA Kelas Bimbingan Insan, Sekolah Saudara Borneo, Sekolah Alternatif Al-Amin dan Pusat Latihan dan Penyelidikan serta Big John akan mengikuti pendidikan agama madrasah pada Jumaat hingga Ahad.

Mata Pelajaran

Data kajian menunjukkan bahawa PPA Kelas Bimbingan Insan menggunakan subjek dalam Pendidikan di Malaysia tetapi silibus setiap subjek dibuat sendiri oleh tenaga pengajar. Berdasarkan temu bual yang dilakukan bersama Ustaza Fatimah menyatakan bahawa penubuhan PPA Kelas Bimbingan Insan bertujuan untuk memberikan pendidikan asas menulis, membaca dan mengira (3M) kepada kanak-kanak dalam kalangan Bajau Laut yang berada di Pulau Mabul. Antara Subjek yang di ajar adalah Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu. TP1 menyatakan bahawa:

“Tujuan KBI itu 3M Tapi mata pelajarannya sama dengan kerajaanlah ada bahasa inggeris, sains, matematik, pendidikan islam dengan Bahasa Melayu...Yang maksudku itu mata pelajaran, mata pelajarannya saja itu kerajaan sukatan pelajaran bukan. Diorang buat sendiri”

(Ustazah Fatimah, temu bual, 23 Mei 2022)

Penubuhan PPA Kelas Bimbingan Insan bertujuan untuk memberikan pendidikan asas menulis, membaca dan mengira kepada kanak-kanak Pulau Mabul. Mata pelajaran yang digunakan adalah mata pelajaran daripada kerajaan iaitu Bahasa Inggeris, Sains, Matematik,

Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu tetapi sukatan pelajaran di PPA ini dibuat oleh tenaga pengajar.

Tenaga Pengajar

Data kajian ini menunjukkan di Kelas Bimbingan Insan terdapat seorang sahaja tenaga pengajar. Tenaga pengajar ini berstatus warganegara dan merupakan tenaga pengajar yang telah mengajar di Kelas Bimbingan Insan daripada awal pembukaannya. Berdasarkan temu bual yang dilakukan bersama dengan Ustazah Fatimah ini menyatakan bahawa sebelum pembukaan Kelas Bimbingan Insan mereka telah diberikan kursus mengajar di beberapa tempat yang bertujuan untuk membantu mereka menjadi tenaga pengajar yang mampu membimbing kanak-kanak ini.

Tenaga pengajar tidak menerima pendidikan di Malaysia tetapi menerima pendidikan di Filipina sebelum berhijrah ke Pulau Mabul. Pendidikan Ustazah Fatimah ini ada dua pertama adalah di peringkat pendidikan agama dimana pendidikan agama yang diterima adalah sehingga darjah enam sahaja. Manakala sekolah menengah pula sehingga tingkatan empat.

Bahan-Bahan Rujukan

Beberapa sumber rujukan untuk pengajaran dan pembelajaran telah disediakan untuk kegunaan semasa pengajaran di PPA Kelas Bimbingan Insan untuk mempermudah tenaga pengajar mengajar. Responden Ustaza Fatimah telah menggunakan rujukan yang disediakan oleh Haluan iaitu kaedah cepat boleh baca (BACEPAT), pelangi, modul asas matematik dan Siri pendidikan prasekolah bestari pendidikan islam satu ibadah dan akidah. Menggunakan buku rujukan ini untuk mengajar setiap hari dan akan diajar berulang-ulang agar kanak-kanak dapat memahami serta mengingat pelajaran yang diajar kepada mereka.

Bilangan Murid

Kanak-kanak yang belajar di PPA ini merupakan kanak-kanak yang tercicir dan tidak mendapatkan pendidikan di sekolah kebangsaan. Di Pulau Mabul terdapat ramai kanak-kanak yang masih tidak bersekolah di Kelas Bimbingan Insan sahaja terdapat seramai 35 orang kanak-kanak yang belajar di KBI terdiri daripada kanak-kanak di Kampung Moso berbangsa Bajau Laut.

Kurikulum PPA Sekolah Saudara Borneo

Pusat pembelajaran Alternatif Sekolah Saudara Borneo telah ditubuhkan pada tahun 2020. Sebelum PPA ini ditukar nama kepada Sekolah Saudara Borneo, PPA ini dikenali sebagai *Mabul Kids Education Society* (MKES) yang telah beroperasi sejak tahun 2013 sehingga 2018 secara rasmi dan berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun pada tahun 2019 PPA ini diserahkan sepenuhnya kepada tenaga pengajar iaitu Cikgu Ali untuk menguruskannya. Pada tahun 2020 barulah PPA telah diuruskan oleh NGO Pertubuhan Kebajikan Sedulur dan PPA ini telah di tambah baik agar kanak-kanak mendapat keselesaan untuk belajar. Jadual 3 menunjukkan kurikulum PPA sekolah Saudara Borneo

Jadual3: Kurikulum PPA Sekolah Saudara Borneo

PPA	Waktu Pembelajaran	Subjek	Tenaga Pengajar	Bilangan Murid
Sekolah Saudara Borneo	7.30 pagi - 4.30 petang	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sains Kewargaengaraan Pendidikan Sivik Seni PJK	4 orang	192 orang

Sumber: Kerja lapangan (2022)

Waktu Pembelajaran

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran di PPA Sekolah Saudara Borneo ini dilaksanakan pada hari Isnin hingga Khamis. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan sesi pengajaran dan pembelajaran dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Sesi pagi akan bermula pada jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi manakala pada sesi petang akan bermula pada jam 1 petang sehingga jam 4.30 petang. Pembahagian kepada dua sesi pengajaran dan pembelajaran ini adalah kerana pelajar yang ramai tetapi ruang kelas tidak mencukupi untuk menampung pelajar bagi setiap darjah.

“Kelas akan dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Sesi pagi bermula daripada jam 7.30 pagi sehingga jam 11.00 pagi. Manakala sesi petang akan bermula jam 1.00 petang sehingga jam 4.30 petang”

(Cikgu Ali, temu bual, 23 Mei 2022)

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dilakukan semasa kerja lapangan, kanak-kanak yang belajar di PPA ini ramai dan tidak mampu menampung jumlah kanak-kanak yang belajar pada satu-satu masa. Oleh itu, mereka harus memberikan pendidikan pada dua sesi iaitu sesi pagi dan petang dimana apa yang mereka ajar pada sesi pagi akan diajar perkara yang sama pada sesi petang.

Mata Pelajaran

PPA Sekolah Saudara Borneo ini menawarkan tujuh mata pelajaran kepada kanak-kanak yang belajar. Antara subjek yang ditawarkan adalah Sains, Bahasa Inggeris, Pendidikan Sivik atau Pendidikan Moral, Matematik, Kewarganegaraan, Bahasa Melayu dan Pendidikan Jasmani. Menurutny lagi mereka juga mengadakan perhimpunan mingguan yang dilakukan pada setiap hari Isnin pagi untuk sesi pagi dan petang untuk sesi petang seperti yang dinyatakan oleh TP3:

“Kami ada, ada English, ada Matematik, ada Sains, ada BM ada apa ini seni ada juga perhimpunan PJK ada juga apa ini hem apa lagi ah. Seni ada”

(Cikgu Ali, temu bual, 23 Mei 2022)

Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar yang berada di PPA Sekolah Saudara Borneo ini adalah seramai empat orang yang terdiri daripada penduduk kampung Pulau Mabul Sahaja. Tenaga pengajar di Sekolah Saudara Borneo ini berstatus bukan warganegara tetapi mendapatkan pendidikan sama ada di Malaysia atau di Filipina. Seperti Cikgu Ali, tenaga pengajar ini menerima pendidikan di

Filipina. Pendidikan yang diterima adalah sehingga peringkat Kolej yang membolehkan mereka mengajar.

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual bersama tenaga pengajar di PPA Sekolah Saudara Borneo ini, kelayakkan akademi yang diterima adalah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tetapi mereka bukan warganegara. Manakala seorang lagi tenaga pengajar di Sekolah Saudara Borneo ini merupakan alumni *Mabul Kids Education Society* (MKES) dan pernah bersekolah di SK Pulau Mabul. Sekolah Saudara Borneo dahulunya adalah *Mabul Kids Education Society* (MKES) sebelum di tukar nama. Selain itu, Tenaga pengajar di Sekolah Saudara Borneo ini diberikan kursus tenaga pengajar yang diuruskan oleh NGO. Kursus mengajar diberikan kepada mereka untuk mengajar kaedah-kaedah mengajar yang benar kepada kanak-kanak.

Bahan-bahan Rujukan

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran di PPA ini berpandukan bahan rujukan pengajaran. Berdasarkan data kajian yang diperolehi terdapat beberapa bahan rujukan yang digunakan untuk mengajar di Sekolah Saudara Borneo ini. Antara bahan rujukan yang digunakan adalah buku rujukan keluaran pelangi, sasbadi, ilmu bakti dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) tahun satu hingga tahun tiga.

Bilangan Murid

Berdasarkan data kajian ini, kanak-kanak ini dibahagikan kepada tiga darjah iaitu darjah satu, darjah dua dan darjah tiga mengikut umur iaitu bermula daripada umur tujuh tahun hingga sembilan tahun akan berada pada darjah satu, umur 10 tahun hingga 12 tahun darjah dua dan darjah tiga bermula dari umur 13 hingga 15 tahun. Menurutnya lagi, kelas dibahagi kepada dua sesi, sesi pagi dan sesi petang. Bagi Darjah satu dibahagikan kepada dua, darjah dua dibahagi kepada dua kelas dan darjah tiga juga dibahagikan kepada dua kelas.

Kanak-kanak yang belajar di Sekolah Saudara Borneo adalah seramai 192 orang dengan pembahagian kanak-kanak kepada tiga kelas untuk sesi pagi dan sesi petang. Hal ini kerana, kanak-kanak ini terlalu ramai dan tidak mampu menampung jumlah murid untuk sesi pagi sahaja. Bagi kelas tahun satu kelas dibahagikan kepada dua iaitu sesi pagi dan petang dengan jumlah pelajar seramai 35 orang sesi pagi dan 35 orang untuk sesi petang, kelas tahun dua pula seramai 37 orang bagi sesi pagi dan 30 orang bagi sesi petang, kelas tahun tiga pula seramai 25 orang sesi pagi dan 30 orang pada sesi petang.

“Ah yang label ah tahun satu itu dari umur tujuh hingga sepuluh ada... Yang tahun dua dari sebelah hingga tiga belas pun ada. Ada juga campuran sini tiga belas sampai enam belas ada... Ah agak-agak sebab dipecah dua kelas sesi pagi dan sesi petang kelas satu, kelas dua juga, kelas tiga juga dipecah kepada dua sesi. Ah tahun satu kalau pagi dalam tiga puluh lima lah begitu lebih kurang. (Azan) Ah petang sama juga. Tahun dua dalam tiga puluh tujuh begitu pagi, petang ahhh tiga puluh”

(Cikgu Ali, temu bual, 23 Mei 2022)

Kurikulum PPA Sekolah Alternatif Al-Amin

Sekolah Alternatif Al-Amin merupakan PPA yang baru sahaja ditubuhkan iaitu pada penghujung tahun 2019. PPA ini sempat beroperasi pada tahun 2020 namun tutup semula

kerana pada perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan untuk mencegah penularan covid-19. PPA ini beroperasi sepenuhnya pada tahun 2021 apabila negara membenarkan pembukaan institusi pendidikan di seluruh negara. Penerangan bagi kurikulum PPA ini boleh merujuk kepada jadual 4 di bawah. Jadual 3 di bawah menunjukkan Kurikulum PPA sekolah Alternatif Al-Amin.

Jadual 4: Kurikulum PPA Sekolah Alternatif Al-Amin

PPA	Waktu Pembelajaran	Subjek	Tenaga Pengajar	Bilangan Murid
Sekolah Alternatif Al-Amin	7.30 pagi - 4.30 petang	Bahasa melayu Bahasa Inggeris Matematik Pendidikan Islam PJK	4 orang	80 orang

Sumber: Kerja lapangan (2022)

Waktu Pembelajaran

Merujuk jadual 4 diatas, Waktu pembelajaran yang telah ditetapkan dalam untuk PPA ini adalah pada hari Isnin hingga khamis manakala Jumaat Sabtu Ahad mereka memberikan laluan kepada madrasah islmiah kerana kanak-kanak yang belajar di PPA mereka juga belajar agama di madrasah. Masa pengajaran dan pembelajaran dibahagikan kepada sesi pagi dan sesi petang dimana pada sesi pagi ini adalah darjah 2 manakalah bagi sesi petang adalah darjah satu. Bagi sesi pagi ia akan bermula pada jam 7.30 pagi hingga jam 11.00 pagi manakala sesi petang pula akan bermula pada jam 1.00 petang hingga jam 4.30 prtang.

Mata Pelajaran

PPA Sekolah Alternatif Al-Amin menawarkan lima subjek sahaja Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik Pendidikan Islam dan Pendidikan jasmani sahaja. Temu bual yang dilakukan bersama Ustaz Mat Katibin ini menyatakan bahawa pendidikan di PPA ini mengutamakan fardhu ain dimana pendidikan agama bagi mereka amat penting dan perlu diterapkan dalam di kanak-kanak Bajau laut yang belajar di PPA ini. Manakala bagi subjek pendidikan lain masih diajar untuk membantu kanak-kanak meneruskan kehidupan dan mempermudah mereka ketika bertemu dengan orang lain terutamanya pelancong daripada luar.

“Pendidikan kita ada memang kita utamakan adalah fardhu ain lah. Lepas itu kita ada saya ada installkan yang mata pelajaran arus perdana. Maksudnya budak-budak ini sudah lama kami disini, orang disini terpaksa menggunakan bahasa Melayu. Ajar mereka bahasa Inggeris, bahasa Inggeris kadang-kadang ada pelancongan ajar juga bahasa Inggeris, ajar Matematik dan pendidikan islam. Pendidikan islam termasuk arab, jawi”

(Ustaz Mat Katibin, temu bual, 24 Mei 2022)

Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar di Sekolah Alternatif Al-Amin seramai empat orang yang mengajar di PPA ini. Tenaga pengajar di Sekolah Alternatif Al-Amin ini merupakan warganegara dengan pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Rendah Persekolahan (SRP) Tingkatan empat dan tingkatan tiga. Tenaga pengajar di PPA ini juga terdiri daripada penduduk di Pulau Mabul sahaja.

Bahan-Bahan Rujukan

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi PPA ini merujuk kepada beberapa buku rujukan pendidikan. Antara rujukan yang digunakan adalah daripada sasbadi, abahata siri hadiah buat anakku dan fargoes telah digunakan. Walau bagaimanapun silibus bagi PPA ini dibuat sendiri oleh tenaga pengajar. Menurut Ustaz Mat Katibin lagi, meskipun Silibus pendidikan untuk PPA ini dibuat sendiri oleh tenaga pengajar tetapi ia berpandukan bahan rujukan yang mereka gunakan.

“Silibus memang kita. Kita ini memang kita buat sendirilah... Tiada kita guna macam mana-mana yang apa ini. Kita tiada juga macam buat silibus sendiri. Kita berpandukan juga macam kebat. Ah macam saya pendidikan islam saya guna PMMM model yang terbaru”

(Ustaz Mat Katibin, temu bual, 24 Mei 2022)

Bilangan Murid

Meskipun terdapat beberapa pusat pembelajaran alternatif di Pulau Mabul tetapi masih belum mampu menampung jumlah kanak-kanak yang masih tidak mendapatkan pendidikan. Di Sekolah Alternatif Al-Amin seramai 80 orang kanak-kanak pada masa ini sedang belajar. Temu bual yang dilakukan bersama Ustaz Mat Katibin ini menyatakan bahawa kanak-kanak yang belajar di PPA ini berumur antar tujuh sehingga 13 tahun. Menurutnya lagi, PPA ini tidak mengambil kanak-kanak yang telah berumur 14 tahun keatas kerana kanak-kanak ini akan merasa mereka telah dewasa dan malu untuk belajar bersama-sama kanak-kanak di bawah umur mereka. Oleh itu, kanak-kanak yang belajar di Sekolah Alternatif Al-Amin ini adalah yang berumur tujuh tahun sehingga 13 tahun sahaja dan dibahagikan kepada dua kelas iaitu tahun satu dan tahun dua. Pengajaran dan pembelajaran ini juga berlangsung untuk dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Hal ini kerana, kelas tidak mampu menampung jumlah kanak-kanak yang ramai.

“Kita tidak ambil sebab umur itu terlampau besar sudah kadang-kadang pelajar sini kan dia umur 12 macam walaupun dia belajar atau dia sudah belajar setahun bila dia sudah macam dewasa dia terus tidak mau sekolah sudah. Malu sudah kalau 15 tahun kan. Kalau perempuan lebih-lebih lagi pelajar paling ramai lagi perempuan memang dia tak boleh belajar dia terus berhenti sekolah dia tak boleh belajar dia kata sebab begini-begini. Saya pun tak boleh cakap jangan kau mesti belajar”

(Ustaz Mat Katibin, temu bual, 24 Mei 2022)

Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN)

Sebuah lagi PPA yang terdapat di Pulau Mabul iaitu PULPEN yang ditubuhkan hasil kerjasama antara Badan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia Relief Agency (MRA) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah beroperasi pada tahun awal Jun 2022.

Jadual 5: Kurikulum PPA Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti

PPA	Waktu Pembelajaran	Subjek	Tenaga Pengajar	Bilangan Murid
Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti	8.00 pagi - 3.00 petang	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sains Pendidikan Islam Kemahiran Hidup Seni	2 orang	20 orang

Sumber: Kerja lapangan (2022)

Waktu Pembelajaran

Berdasarkan jadual 5 diatas, waktu pembelajaran di Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN) ini adah bermula daripada hari isnin sehingga hari khamis. Setiap subjek diberi masa tiga jam pengajaran dan pembelajaran dimana pembahagian masa ini satu jam adalah untuk proses pengajaran. Tenaga pengajar mempunyai masa selama sejam untuk menerangkan pembelajaran kepada kanak-kanak. Manakala sejam lagi adalah untuk membuat latihan selepas belajar. Bagi tempoh satu jam terakhir, tenaga pengajar akan mengajar subjek kemahiran hidup ataupun seni dimana subjek ini disusun selang seli setiap hari.

Peruntukan masa untuk PULPEN ini adalah setiap hari adalah mengajar subjek yang berlainan. Pada hari isnin subjek yang akan diajar adalah Bahasa Melayu yang diajar pada sebelah petang daripada jam 2.00 petang sehingga jam 3 petang. Pada hari selasa pula PULPEN akan mengajar subjek Sains dan kemahiran hidup yang akan bermula pada jam 8.00 pagi sehingga jam 11.00 pagi. Pada hari rabu pula, adalah subjek matematik dan seni untuk sesi pagi bermula dari jam 8.00 hingga pagi hingga jam 11.00 pagi. Untuk sesi petang hari rabu ini adalah pendidikan islam yang diajar bermula dari jam 2.00 petang sehingga jam 3.00 petang. Pada hari khamis pula adalah subjek Bahasa Inggeris dan kemahiran hidup yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi.

Mata Pelajaran

Pusat latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN) mempunyai subjek yang sama sahaja dengan PPA yang berada di Pulau Mabul iaitu, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Saina, Matematik, Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup dan Seni. Namun sedikit perbezaan yang dibawah oleh PULPEN ini dimana di PPA ini ia mengajarkan tentang kemahiran hidup. Subjek kemahiran hidup ini salah satu perkara penting bagi mereka kerana dengan subjek kemahiran hidup mereka akan belajar pelbagai perkara untuk membantu mereka pada masa hadapan dan tidak bergantung kepada satu pekerjaan semata-mata. Selain itu, PULPEN tidak memberi fokus kepada kemahiran menulis, mengira dan membaca sahaja tetapi kepada kemahiran sendiri kanak-kanak.

Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar yang terdapat di PULPEN ini tidak ramai memandangkan kanak-kanak yang belajar di PULPEN ini juga tidak ramai. Tenaga pengajar di PULPEN ini hanya dua orang. Dengan kanak-kanak yang belajar seramai 20 orang dengan kanak-kanak berumur Sembilan tahun sehingga 12 tahun sahaja. Hal ini kerana, keadaan PPA yang tidak mampu menampung kanak-kanak yang ramai menyebabkan pihak pengurusan PPA ini menghadkan kemasukan kanak-kanak di Pusat latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN) di Pulau Mabul ini.

Bahan-bahan Rujukan

Bahan-bahan Rujukan yang PULPEN ini gunakan adalah Pelangi dan Foniks Pintar manakala bagi Kemahiran Hidup dan seni pula mengikut kreativiti kanak-kanak dan kemahiran tenaga pengajar. Semua bahan pengajaran dan pembelajaran ini adalah disediakan oleh NGO iaitu Malaysia Relief Agency dengan kerjasama bersama Universiti Malaysia Sabah.

Pusat Pembelajaran Alternatif Big John

Pusat pembelajaran alternatif terakhir yang terdapat di Pulau Mabul ini adalah Big John. Namun, PPA Big John ini telah beroperasi sejak tahun 2016 yang bertujuan untuk menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak yang ramai tidak kesekolah dan hanya bermain di laut sahaja. Semestinya, penubuhan PPA ini telah memberi banyak manfaat kepada penduduk Pulau Mabul kerana anak-anak mereka dapat menikmati pendidikan walaupun hanya pendidikan alternatif.

Jadual 6: Kurikulum PPA Big John

PPA	Waktu Pembelajaran	Subjek	Tenaga Pengajar	Bilangan Murid
Big John	8.00 pagi - 4.00 petang	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Pendidikan Islam	2 orang	130 orang

Sumber: Kerja lapangan (2022)

Waktu Pembelajaran

Merujuk jadual 6 diatas, aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah seperti biasa. Sama seperti PPA lainnya dimana waktu pembelajaran di Big John ini turut dilaksanakan dari hari isnin hingga khamis dan terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Pada sesi pagi akan bermula pada jam 8.00 pagi hingga jam 11.30 pagi. tempoh rehat diberikan selama setengah jam iaitu daripada jam 9.30 hingga jam 10.00 pagi. bagi sesi petang pula akan bermula pada jam 1.15 petang hingga jam 4.00 petang.

Mata Pelajaran

Subjek yang diajarkan di Big John Learning Center Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan pendidikan islam. Fokus pendidikan yang diberikan di PPA Big John ini adalah agar kanak-kanak ini pandai membaca, menulis dan mengira. Selain itu, Silibus untuk PPA ini dibuat oleh tenaga pengajar dengan memberi fokus kepada 3M sahaja.

Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar di PPA Big John ini tidak ramai iaitu terdapat dua tenaga pengajar yang bertanggungjawab terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Walau bagaimanapun, dengan dua orang tenaga pengajar mereka perlu mengajar lebih daripada seratus orang di PPA ini. kanak-kanak yang belajar di PPA ini adalah seramai 130 orang. Namun berdasarkan temu bual yang dilakukan bersama dengan Cikgu Nurahim kehadiran kanak-kanak ini kadang-kadang tidak penuh. Namun, Cikgu Nurahim tidak memaksa kanak-kanak ini untuk kesekolah.

Bilangan Murid

Kanak-kanak yang belajar di PPA ini adalah seramai 130 orang dan mereka dibahagikan kepada tiga kelas. kelas pertama adalah peringkat tadika dimana mereka ini berumur lima hingga lapan tahun. Tahun satu berumur berumur 10 hingga 15 tahun dan kelas dua berumur

15 hingga 20 tahun. Kesungguhan kanak-kanak ini untuk belajar benar-benar terlihat di wajah mereka agar mendapatkan pendidikan seperti orang lain.

Perbincangan

Penubuhan pusat pembelajaran alternatif di Pulau Mabul ini selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan yang memberikan peluang pendidikan kepada individu bukan warganegara yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan kebangsaan sama ada di institusi pendidikan milik kerajaan atau swasta. Berdasarkan buku Dasar Pendidikan Malaysia edisi keempat, pusat bimbingan Alternatif diwujudkan adalah untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak bukan warganegara yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan formal di institusi kerajaan atau swasta di Malaysia dengan asas kemahiran membaca, menulis dan mengira serta kemahiran hidup daripada peringkat prasekolah, rendah dan menengah rendah. Peluang pendidikan ini selaras dengan Dasar Pendidikan Alternatif di Malaysia (Buku DPK, Edisi Keempat, 2017)

Samsudin & Ismail (2022), menyatakan bahawa penubuhan pusat pembelajaran alternatif ini membuktikan Malaysia menyahut seruan prinsip Education for All (EFA) atau pendidikan untuk semua. Program pembelajaran alternatif yang direncanakan ini merangkumi semua program pendidikan bukan pendidikan formal yang menggunakan kurikulum sekolah rendah. Program pendidikan yang dirancang ini merupakan mengikut kesesuaian dan keperluan dalam kalangan orang pelarian. Sebagai contoh kajian yang dilakukan Rahman, *et al.* (2018), untuk membangunkan modul kurikulum berasaskan kemahiran komuniti setempat. Pengenalan kurikulum berasaskan kemahiran komuniti setempat ini secara tidak langsung dapat membantu kanak-kanak ini untuk kelangsungan hidup disamping memastikan nilai tradisi bangsa terus terpelihara dalam diri mereka.

Menurut Samsudin & Ismail (2021), pendidikan kanak-kanak Rohingya di Kajang, Selangor iaitu Rohingya Intellectual Skill and Excellence (RISE). Yang berperanan memberikan perlindungan sementara, menyediakan kelengkapan persekolahan dan juga menyediakan silibus pengajaran yang sesuai kepada kanak-kanak Rohingya serta menyediakan aktiviti kokurikulum yang bersesuaian. Pendidikan alternatif untuk pelarian Rohingya dan pendidikan alternatif untuk pelarian Filipina di Sabah tidak jauh berbeza kerana tujuan utamanya adalah untuk memberikan pendidikan kepada pelarian.

Manakala bagi pusat pembelajaran alternatif yang terdapat di Pulau Mabul, Semporna ini ada sebanyak lima PPA yang masih aktif beroperasi sehingga hari ini. PPA ini pada dasarnya mempunyai tujuan yang sama iaitu memberikan pendidikan kepada kanak-kanak Pulau Mabul yang tidak mendapat akses ke pendidikan kebangsaan. Merujuk jadual 7 dibawah, pendidikan yang disampaikan mempunyai persamaan tetapi terdapat PPA yang tidak menawarkan beberapa subjek seperti PPA Sekolah Saudara Borneo menawarkan pendidikan kewarganegaraan, Sivik dan PJK sekaligus PPA yang paling banyak menawarkan subjek, manakala Sekolah Alternatif Al-Amin menawarkan Pendidikan Jasmani. Sedikit keunikan yang dibawah oleh PULPEN dimana PPA ini menawarkan kemahiran hidup. Tujuan menawarkan kemahiran hidup ini agar mereka dapat menjamin kelangsungan hidup mereka agar tidak berharap dan bergantung kepada hanya satu pekerjaan sahaja. Manakala Big John pula, hanya menawarkan empat mata pelajaran sahaja.

Selain itu, dari segi waktu pembelajaran di PPA ini. Semua PPA di Pulau Mabul menawarkan dua sesi kecuali Kelas Bimbingan Insan yang mana hanya sesi pagi sahaja. bagi sesi pagi

mereka akan bermula pada jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi. Manakala untuk sesi petang ia akan bermula pada jam 1.00 petang sehingga jam 4.30 petang. Namun untuk PPA Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN) untuk sesi pagi hanya pada hari Selasa hingga Khamis yang bermula pada jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi, sesi petang pula hanya pada hari Isnin dan Rabu bermula pada jam 2.00 petang ke 3.00 petang. Perbezaan yang di bawah oleh PULPEN ini kerana menyesuaikan keadaan tenaga pengajar dan kanak-kanak. Bagi PPA Big John pula, bermula daripada jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Seterusnya, tenaga pengajar yang ada di setiap PPA adalah berbeza. Bagi Sekolah Saudara Borneo, Sekolah Alternatif Al-Amin dan Big John mempunyai empat orang tenaga pengajar dengan kelayakan akademik seperti yang telah diterangkan di atas manakala jumlah kanak-kanak yang belajar pula masing-masing mempunyai pelajar yang ramai iaitu 192 orang, 80 orang dan 130 orang. Kelas Bimbingan Insan pula hanya seorang dan Pusat Latihan dan Penyelidikan komuniti mempunyai dua orang tenaga pengajar. Jumlah kanak-kanak yang belajar pula adalah 35 orang dan 20 orang sahaja.

Jadual 7: Kurikulum Pusat Pembelajaran Alternatif Pulau Mabul

PPA	Waktu Pembelajaran	Subjek	Tenaga Pengajar	Bilangan Murid
Kelas Bimbingan Insan	7.00 pagi - 10.30 pagi	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sains Pendidikan Islam	1 orang	35 orang
Sekolah Saudara Borneo	7.30 pagi - 4.30 petang	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sains Kewargaengaraan Pendidikan Sivik Seni PJK	4 orang	192 orang
Sekolah Alternatif Al-Amin	7.30 pagi - 4.30 petang	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Pendidikan Islam PJK	4 orang	80 orang
Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti	8.00 pagi - 3.00 petang	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Sains Pendidikan Islam Kemahiran Hidup Seni	2 orang	20 orang
Big John	8.00 pagi - 4.00 petang	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Matematik Pendidikan Islam	2 orang	130 orang

Sumber: Kerja lapangan (2022)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Jika dilihat PPA yang berada di luar negara yang mana negara tersebut menandatangani perjanjian antarabangsa seperti konvensyen 1954 berkaitan status hak orang tanpa negara, konvensyen 1951 status pelarian dan protokol 1967. Menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak pelarian ini dan mereka mendapatkan hak pendidikan mereka. Namun, Malaysia tidak menandatangani perjanjian antarabangsa tersebut. Oleh itu, di Malaysia mereka tidak mempunyai hak pendidikan dan tidak boleh bersekolah di sekolah kebangsaan. Namun, pusat pembelajaran alternatif masih tersedia kepada mereka.

Kurikulum yang terdapat di setiap kem pelarian tidak sama dan ia bergantung kepada undang-undang negara tersebut. Sebagai contoh kem pelarian Mea La yang berada di sempadan Thailand dan Myanmar mereka membentuk kurikulum sendiri dengan pengurusan PPA juga dalam kalangan pelarian. Mereka tidak menggunakan kurikulum antara kedua-dua negara. Kurikulum PPA di semenanjung Malaysia pula, mereka melaksanakan pendidikan dengan menawarkan mata pelajaran teras didalam kurikulum kebangsaan serta PPA ini adalah persiapan mereka dihantar ke negara ketiga. Selain itu, mereka turut diajar berkenaan dengan pendidikan agama kemahiran seperti penggunaan IT, kelas seni dan mengaji.

Pusat Pembelajaran Alternatif ditubuhkan untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Kurikulum yang digunakan di PPA ini adalah daripada kurikulum kebangsaan tetapi hanya teras dan asas sahaja. Hal ini kerana, ramai kanak-kanak yang tidak mendapatkan pendidikan di Sabah terutamanya dalam kalangan pelarian dan yang mempunyai masalah dokumen menyebabkan mereka tidak boleh bersekolah di sekolah kebangsaan. Di Pulau Mabul, terdapat satu sekolah kebangsaan, satu madrasah di bawah pendidikan agama dan beberapa PPA yang terdapat di Pulau ini. PPA ini bertujuan untuk memberikan pendidikan asas dengan fokus utama mereka adalah menulis, membaca dan mengira.

Kesimpulan

Pendidikan alternatif memberi kanak-kanak kesempatan dan peluang untuk mendapatkan pendidikan dan memperbaiki kehidupan mereka pada masa akan datang. Meskipun kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ini tidak mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan tetapi tetap mendapatkan pendidikan walaupun pendidikan yang diberikan merupakan pendidikan alternatif melalui pusat pembelajaran alternatif. Walau bagaimanapun, kemudahan di PPA ini masih perlu banyak diperbaiki agar kesukaran untuk Tenaga pengajar menyampaikan pembelajaran kepada murid dapat diatasi. Oleh itu, kurikulum pendidikan alternatif harus diperhalus semula agar ia dapat memberi manfaat yang lebih baik kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ini.

Ketepatan kurikulum yang dilaksanakan di Pusat Pendidikan Alternatif akan mempengaruhi kejayaan program pendidikan tersebut. Kebolehan sendiri amat penting dalam aspek bertahan hidup dalam konteks kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Hal ini kerana, banyak hak mereka yang tidak dapat dipenuhi di negara-negara yang tidak menandatangani perjanjian antarabangsa seperti konvensyen 1954 yang berkaitan dengan status orang tanpa negara dan konvensyen 1951 yang berkaitan dengan status pelarian dan protokol 1967 iaitu *the 1951 convention relating to the status of refugees and its 1967 protocol*. Di Malaysia aspek kemahiran hidup dititik beratkan dalam kurikulum untuk mengasah kebolehan mereka untuk membantu menjalani kehidupan seharian.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan dengan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2104) dan geran penyelidikan RACER/1/2019/SS06/UMS/1 dengan tajuk penyelidikan, “Pendidikan Alternatif sebagai Strategi Survival ke arah Keterangkuman Sosial dalam kalangan Penduduk Tanpa Dokumen di Pulau Mabul, Sabah”.

Rujukan

- Baharuddin S., A. & Enh A., M. (2018). Journal of Nusantara Studies (JONUS). Pelarian Vietnam: Satu isu global dalam sejarah hubungan Luar Malaysia. Vol 3 (1) ,1 – 8.
- Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah rendah (Semakan 2017). (2016). Kementerian pendidikan Malaysia
- Christophersen M. (2015). *Obstacles to education for Syrian refugees: securing education for Syrian refugees in Jordan*.
- Christie D. A. (2016). *Ejournal ilmu hubungan internasional*. “Upaya Indonesia dalam menangani Pendidikan anak tenaga kerja Indonesia di Sabah, Malaysia”. Volume 4, 4 (1161-1176)
- Dasar Pendidikan kebangsaan (edisi keempat). (2017). Kementerian Pendidikan Malaysia
- Dupuy K., Palik J., & Ostby G. (2022). “No right to read: national regulatory restrictions on refugee rights to formal education in low- and middle-income host countries”.
- Hajimin M.N.N., Hajimin M. N. R. I., & Hajimin M. N. H. F. (2017). “Pelarian dan pendidikan Islam: Kajian di Skim Penempatan Pelarian Telpik, Kota Kinabalu Sabah”. Seminar wacana pendidikan.
- Han, C. G. K., pang, V., Tibok, R. P., & Jhee., Y. S. (2017). International Journal of Education, Psychology and Counseling. Process evaluation of an alternative education programme for refugee, undocumented and stateless children in Sabah. Volum 2, issues 4 (23-39)
- Miskiman N., dan Zainal K. (2019). *International conference on business, education, innovation and social sciences (ICISS)*. “Cabaran dan limatasi pendidikan untuk kenak-kanak tanpa warganegara di Pulau Mabul, Semporna, Sabah”. eISBN (3-8)
- UNICEF. 2007. “A human Right – based approach to education for all”.
- UNICEF. (2015). “Mapping Alternative learning approaches, programmer and stakeholders in Malaysia”
- UNICEF. (2015). “Reaching The Unreached an assessment of the alternative education programme for refugee and undocumented children in Kampung Numbuk, Kota Kinabalu, Sabah”
- UNICEF. (2019). *Children out of school Malaysia: the Sabah context*
- Pang V., Ling M. T., and Tibok R. P. (2019). *Journal of Nusantara Studies (JOUNUS)*. Achievement of children in an alternative education programmer for refugee, stateless and undocumented children in Sabah, Malaysia. Vol 2(2) (335-361).
- Paramitha, N., A., Supriyadi, Zuber, A. (2018). International Journal of Pedagogy and Teacher Education (LJPTE). The importance of education level for farmer’s upward social mobility in Wringinpitu Villager. Vol 2
- Rahman M. N. A., Siraj S., Idris N. F. M., Mansor M. A, dan Muhamad N. A. (2018). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Potensi pembangunan modul kurikulum berasaskan kemahiran komuniti setempat bagi kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri: Tinjauan awal. Bil 6, isu 3.
- Robert B., Rutherford Jr., Quinn M. M. (1999). Taylor & Francis. *Special education in alternative education programs*.

- Saibeh B. (2018). *Pendidikan alternatif sebagai wadah keterangkuman sosial dalam kalangan penduduk yang tiada kewarganegaraan di Pulau Mabul Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Samsudin A., Z. & Ismail N., K. (2022). *Manu*. Dilema pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia: satu tinjauan awal.
- Samsudin A., A., & Ismail N., K. (2021). Sains Insani. Pendidikan kanak-kanak muslim Rohingya: kajian kes di Rohingya Intellectual Skills and Excellence (RISE), Kajang, Selangor. Volume 06 No 3 (67 – 76).
- Sansalu D. & Rahim S. (2012). *Pulau Mabul dulu, kini dan masa depan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Waters T. & Leblanc. (2005) *The University of Chicago Press on behalf of the comparative and international education society. Refugees and education: Mass Public Schooling without a Nation-State*. Vol 49, No 2 (129-147).
- Xe W. N. Y., Pang V., May C. S., Tibok R. P., & Han C. G. K. (2017). *Journal of advanced research in social and behavioral sciences*. “Alternative education for undocumented: An input evaluation”. Issue 1 (84-101).
- Yeo S. S., Gagnon T., & Thako H. (2020). *Asian Journal of Peacebuilding*. “Schooling for a Stateless Nation: The Predicament of Education Without Consensus for Karen Refugees on the Thailand-Myanmar Border”. Vol 8 (29-55).
- Voothanyakumar D. & Alavi K. (2019). *Asian People Journal (APJ)*. Meneroka kesejahteraan sosial Karen dan Rohingya di Sekolah Pelarian Myanmar di Chow Kit. Volume 2, Issue 1 (1-11).